

BH - 15/3/2004, pg. 2



# Kesejahteraan bagi semua lapisan rakyat

Oleh Kadir Dikoh, Azman Zakaria dan Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat mengundi Barisan Nasional (BN) kerana ia bererti mengundi bagi masa depan negara berikutan gabungan 14 parti itu mahu membawa anjakan besar dalam pembangunan serta kesejahteraan rakyat tanpa membezakan latar belakang kaum, agama dan kedudukan sesuatu kawasan.

Perdana Menteri menegaskan, BN memerlukan mandat yang besar dan memberi jaminan akan menggunakan mandat secara bijaksana bagi membawa pembangunan lebih hebat dan memberi khidmat lebih baik kepada rakyat, sebagaimana yang terkandung dalam manifesto BN yang mencakupi pelbagai aspek pembangunan.

"Apabila rakyat membaca manifesto kita, saya percaya mereka akan tertarik. Apa yang ada dalam manifesto ini adalah apa yang hendak kita laksanakan. Bukan sekadar untuk mendapatkan undi, (tetapi) memberi khidmat kepada rakyat.

"Saya telah menekankan dalam manifesto mengenai rancangan dan pendekatan yang hendak kita ambil meliputi pelbagai bidang pembangunan. Ini adalah dengan niat dan tujuan untuk menjadikan Malaysia negara cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Kita mempunyai keyakinan tinggi serta berkemampuan melaksanakannya," katanya pada sidang media selepas melancarkan Manifesto BN bagi Pilihan Raya Umum ke-11, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Setelah berakhirnya penamaan calon kelmarin, BN akan bertanding di semua 204 kerusi Parlimen dan 497 kerusi Dewan Undangan Negeri yang masih menjadi rebutan.

Gabungan 14 parti komponen itu sudah memenangi 15 kerusi Parlimen dan tujuh kerusi DUN tanpa bertanding manakala Pas meraih satu kerusi DUN di Johor tanpa bertanding. Tambahan satu lagi kerusi Parlimen itu adalah di Kota Tinggi, Johor apabila calon BN, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar semalam diumumkan menang tanpa bertanding berikutan penarikan diri calon Pas, Abu Bakar Sakak daripada bertanding.

Ketika ditanya sama ada pilihan raya kali ini boleh dilihat sebagai satu penilaian terhadap kepemimpinannya, Abdullah berkata: "Bergantung kepada bagaimana rakyat melihatnya. Saya harap mereka memberikan peluang kepada saya dan parti saya untuk membuktikan apa yang kami dapat lakukan untuk mencapai kejayaan yang lebih kepada Malaysia dan rakyat Malaysia."

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, mesejnya kepada pengundi adalah 'undi untuk masa depan' kerana BN boleh membawa pembangunan, mewujudkan masa depan yang baik untuk seluruh rakyat dalam negara Malaysia yang makmur dan aman, lagi cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Kita ada program untuk masa depan Malaysia dan masa depan rakyat Malaysia. Kita menghargai dan akan menggunakan mandat secara bijaksana... apa yang hendak kita lakukan adalah membantu rakyat," katanya.

Beliau berkata, BN mempunyai pengalaman dan mencapai kejayaan dalam menyatukan rakyat pelbagai bangsa dan agama, dan pengalaman itu akan membolehkannya dan kerajaan yang akan ditubuhkan untuk menjayakan tindakan yang akan diambil di masa depan.

"Kita berazam terus membangunkan negara menerusi rancangan, strategi dan pelaksa-



PENGERUSI Barisan Nasional, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Datuk Seri Najib Razak, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Presiden Supp, Tan Sri George Chan; dan Setiausaha Agung BN, Tan Sri Khalil Yaakob menunjukkan Manifesto Barisan Nasional pada majlis pelancarannya di PWTC, semalam. - Gambar oleh Rosli Rahmat

sanaan dasar yang boleh meningkatkan kesejahteraan rakyat di semua peringkat selaras dengan Wawasan 2020," katanya.

Beliau berkata, kejayaan BN dalam amalan perkongsian kuasa dan menyatupadukan seluruh rakyat yang menganuti pelbagai agama adalah satu kejayaan yang amat baik.

Sambil melahirkan kesyukuran mengenai kemajuan pesat negara walaupun dalam tempoh tidak sampai 50 tahun mencapai kemerdekaan, Perdana Menteri berkata, BN akan berusaha mewujudkan sumber baru pendapatan dan kekayaan serta menumpukan kepada usaha untuk menjadikan golongan muda mempunyai daya saing yang lebih kuat agar bersedia menghadapi cabaran pada masa depan.

Untuk itu, katanya, penekanan terhadap golongan muda sebagai aset penting negara, diberikan perhatian dengan memberikan mereka peluang lebih baik menuntut ilmu sehingga ke peringkat tinggi.

"Itu yang kita perlu...rakyat Malaysia menjadi rakyat berdaya saing, yang ada ilmu pengetahuan dan sanggup bersaing bagi mencapai kejayaan di masa depan," katanya.

Beliau berkata, wanita juga akan dibabitkan dalam pembangunan pada tahap yang lebih besar lagi di masa hadapan.

"Kita mahu supaya rakyat Malaysia semuanya dibabitkan dalam pembangunan, tidak ada mana-mana golongan yang akan diketepikan, bahkan diberikan keupayaan dan diberikan peranan kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, usaha memerangi rasuah akan diteruskan, manakala keberkesanan dan mutu perkhidmatan awam akan ditingkatkan, menyokong sektor swasta menjadi jentera pembangunan ekonomi negara serta mengamalkan cara berhemah dalam pengendalian ekonomi dan kewangan negara.

Katanya, pembangunan pula akan dilaksa-



ABDULLAH diiringi Datin Seri Endon Mahmood, Najib dan Datin Rosmah Mansor melambaikan tangan kepada penyokong Barisan Nasional sebelum pelancaran Manifesto BN di PWTC, semalam. - Gambar oleh Rosdan Wahid

nakan secara seimbang supaya tiada masalah kawasan terpinggir, khususnya kawasan luar bandar.

Ketika ditanya mengenai Islam Hadhari yang dinyatakan dalam manifesto BN itu berbanding Islam yang dibawa oleh Pas, beliau berkata, Pas lebih menumpukan kepada ideologi manakala BN menekankan untuk menjadikan umatnya lebih baik.

Katanya, umat Islam yang baik cintakan keamanan, mahukan kemajuan dan pembangunan serta bersikap toleransi dan sederhana.

Beliau berkata, sebanyak tiga juta naskhah manifesto, yang diterbitkan dalam tujuh versi

diedarkan ke seluruh negara agar dapat dibaca dan difahami oleh rakyat.

Terdahulu semasa berucap ketika melancarkan manifesto itu, Abdullah berkata, pendekatan diambil BN adalah mesra rakyat yang mencerminkan bahawa BN memang mengambil kira kehendak rakyat.

"Rakyat mahukan negara ini aman dan stabil, rakyat mahukan negara ini makmur, terus membangun, rakyat mahukan negara kita ini terus mempunyai peluang banyak dan pelbagai untuk membolehkan mereka merebut peluang ini supaya mereka hidup, dan negara kita ini menjadi berjaya dalam kehidupan mereka," katanya.